



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (25 OGOS 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak kekal sebanyak **696** kes.

A. Kluster COVID-19 yang telah tamat

Pada hari ini, empat (4) kluster telah diisyiharkan tamat setelah tiada kes baharu dilaporkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh kes terakhir. Ringkasan empat (4) kluster yang telah tamat adalah seperti berikut:

i. Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching

Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching merupakan satu kluster yang telah dikesan pada 18 Julai 2020 melibatkan lapan (8) kes COVID-19 yang telah disahkan oleh makmal.

Secara ringkasnya, kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching melibatkan sebuah syarikat perunding kejuruteraan yang beroperasi di Kuching. Kluster ini mula dikesan apabila kes indeks kluster ini, kes ke-575, dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak kerana mengalami sakit dada dan batuk kering. Saringan awal COVID-19 pada 07 Julai 2020 mendapati

beliau adalah positif untuk Ujian RTK Antibody (Positif IgM dan Negatif IgG), Siasatan lanjut ujian makmal telah mendapati swab beliau untuk ujian rT-PCR COVID-19 adalah positif pada 09 Julai 2020. Susulan pelaporan kes ini, semua kontak rapat telah diarahkan untuk menjalani saringan COVID-19. Hasil saringan telah berjaya mengesan tujuh (7) lagi kes yang melibatkan lima (5) rakan sekerja kes ke-575 dan dua (2) kontak rapat kepada kes ke-631.

Secara keseluruhannya, seramai 495 orang telah disaring terdiri daripada rakan sekerja dan juga kontak rapat kepada kes-kes yang telah dikenal pasti. Hasil saringan telah berjaya mengesan keseluruhan lapan (8) kes COVID-19 (1.62%). Kes terakhir telah dikesan pada 28 Julai 2020. Kes terakhir yang telah pulih dan didiscaj dari wad hospital adalah pada 8 Ogos 2020.

Daripada lapan (8) kes yang telah dikesan, hanya dua (2) kes yang telah menunjukkan tanda-tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19. Tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi atau kes kematian dilaporkan dalam kluster ini.

ii. **Kluster Sentosa**

Kluster Sentosa merupakan satu kluster yang telah dikesan pada 21 Julai 2020 melibatkan 31 kes COVID-19 yang telah disahkan oleh makmal.

Secara ringkasnya, Kluster Sentosa merupakan satu kluster melibatkan sebuah fasiliti kesihatan di Kuching. Kluster ini mula dikesan apabila kes indeks kluster ini iaitu kes ke-602 menjalani saringan kendiri COVID-19 pada 18 Julai 2020 di fasiliti kesihatan swasta di Kuching kerana hendak melakukan perjalanan ke Pulau Pinang. Hasil keputusan makmal mendapati beliau adalah positif untuk rT-PCR COVID-19 pada hari yang sama. Susulan pelaporan kes ini, semua petugas kesihatan dan pesakit di fasiliti kesihatan terbabit beserta kontak rapat telah diarahkan untuk menjalani saringan COVID-19. Hasil saringan telah berjaya mengesan 30 lagi kes yang disahkan telah dijangkiti COVID-19.

Secara keseluruhannya, seramai 518 orang telah disaring terdiri daripada petugas kesihatan, pekerja am dan juga kontak rapat kepada kes-kes yang telah dikenal pasti. Hasil saringan telah berjaya mengesan keseluruhan 31 kes COVID-19 (5.98%). Kes terakhir telah dikesan pada 28 Julai 2020. Kes terakhir yang telah pulih dan didiscaj dari wad hospital adalah pada 9 Ogos 2020.

Daripada 31 kes yang telah dikesan, hanya satu (1) kes yang telah menunjukkan tanda-tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19. Tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi atau kes kematian dilaporkan dalam kluster ini.

iii. Kluster PUI Melbourn

Kluster PUI Melbourne merupakan satu kluster yang telah dikesan pada 22 Julai 2020 melibatkan tiga (3) kes COVID-19 yang telah disahkan oleh makmal.

Secara ringkasnya, kluster ini dikesan apabila kes indeks ini yang merupakan seorang pelajar warganegara tempatan (iaitu kes Ke-587) dikesan positif di pusat kuarantin hotel pada 17 Julai 2020. Kes telah pulang dari Melbourne, Australia pada 15 Julai 2020, menaiki pesawat dari Melbourne ke Kuala Lumpur dan kemudian ke Kuching. Aktiviti pengesanan kontak rapat dalam penerbangan secara aktif telah dijalankan dan dua (2) kes positif telah dikesan iaitu kes yang menaiki pesawat yang sama dari Kuala Lumpur ke KIA Kuching.

Secara keseluruhannya, seramai 114 orang orang telah disaring terdiri daripada kontak pesawat dan kontak rapat kepada kes-kes yang telah dikenalpasti. Hasil saringan telah berjaya mengesan keseluruhan tiga (3) kes COVID-19 (2.63%). Kes terakhir telah dikesan pada 28 Julai 2020. Kes terakhir yang telah pulih dan didiscaj dari wad hospital adalah pada 7 Ogos 2020. Kesemua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala COVID-19.

iv. Kluster Pasar Satok

Kluster Pasar Satok merupakan satu kluster yang telah dikesan pada 28 Julai 2020 melibatkan empat (4) kes COVID-19 yang telah disahkan oleh makmal.

Kluster ini mula dikesan apabila Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menjalankan saringan aktif di Pasar Satok berikutan pelaporan kes COVID-19 di Pasar Stutong. Ini merupakan aktiviti saringan bersasar kes atas pasar besar yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama semua agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.

Pada 25 dan 26 Julai 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menjalankan aktiviti saringan melibatkan 229 orang peniaga dan pekerja am yang ada di pasar tersebut. Hasil saringan tersebut, seramai empat (4) kes telah didapati positif COVID-19 pada 28 Julai 2020. Pada 29 Julai 2020, Pasar Satok telah diarahkan tutup selama 14 hari bagi tujuan nyah cemar dan memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.

Secara keseluruhannya, seramai 936 peniaga dan kontak rapat telah dikenalpasti. Hasil saringan telah berjaya mengesan keseluruhan empat (4) kes COVID-19 (0.43%). Kesemua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

v. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Setakat hari ini, jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **dua (2)** dan melibatkan seramai **14 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- b) Kluster Alam, Bintulu: kekal tujuh (7) kes

Dimaklumkan juga **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini seramai kekal **662** orang atau **95.11%**.

Seramai **15** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital. Sembilan (9) kes sedang di rawat di Hospital Bintulu, empat (4) kes dirawat Hospital Umum Sarawak, seorang (1) di Hospital Sibu dan seorang di Hospital Miri.

Jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.73%. Hari ini sebanyak **19 PUI** baru dilaporkan dan **dua (2) kes PUI** masih menunggu ujian makmal.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN DAN TANGKAPAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan 24 notis kompaun kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kuching (17), Kota Samarahan (3), Padawan (2), Betong (1) dan sarikei (1).

Manakala dua (2) tangkapan telah dilakukan terhadap seorang (1) warganegara Pakistan dan seorang (1) penjaga premis perniagaan di Batu 7, Kota Sentosa Kuching kerana gagal mematuhi SOP premis perniagaan.

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,754 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (209), Restoran (347), Kilang (14), Bank (127), Pejabat Kerajaan (53), Penjaja (31), Pasar Tani/Awam (92), Tempat Ibadah (86), Tempat Riadah (58), Tapak Pembinaan (29) dan lain-lain (708).

Seramai **600 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (299), ATM (39), RELA (128), APM (101) dan PBT (33)

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,594** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

25 OGOS 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu		691	Kes sedang dirawat di hospital	15	2.16%
Kes Baharu		0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel		79,243	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan		696	Jumlah kes kematian	19	2.73%
IR per 100,000 penduduk		22.56	Kes telah sembuh dan discaj	662	95.11%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	22	8,712		19	9,410
Menunggu keputusan	1	2			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		4	1	9	1	0	15
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	570	33	27	31	1	662
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	6,202	0	427	0	411	0	12	4	4	4
2	Bintulu	1	284	0	36	0	27	0	0	9	9	2
Jumlah		16	6486	0	463	0	438	0	12	13	13	6

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	303	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	244	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Samarahan	2	548	0	112	0	108	0	4	0	0	0
4	Bau	0	169	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Sibu	0	106	0	10	0	9	0	0	1	1	0
6	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
10	Miri	1	828	0	24	0	22	0	1	1	1	0
11	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
13	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	44	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Sarotok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	32	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		3	2,924	0	233	0	224	0	7	2	2	0

Jumlah Besar	19	9,410	0	696	0	662	0	19	15	15	6
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **165 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **14 buah hotel** adalah seramai **912 orang**. Manakala seramai **22,331 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 25.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (414)	Hock Lee	48
2		Hilton	93
3		Harbour View	94
4		Riverside (Astana Wing)	179
5	Miri (305)	Mega	57
6		Eastwood Valley	50
7		Meritz	74
8		Dynasty	139
9	Bintulu (68)	Wasan Inn	22
10		Motel Kapok	17
11		Faber Inn	29
12	Limbang (31)	Purnama	10
13		Mandarin (Lawas)	21
14	Sibu (79)	Premier	79
Jumlah PUS			819

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **5 lokasi di Sibu (2), Miri (2) dan Kapit (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,533 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 25.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	482
2	Miri	284
3	Sibu	134
4	Bintulu	111
5	Samarahan	111
6	Sarikei	103
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	46
11	Sri Aman	44
12	Kapit	43
Jumlah		1,533

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **46 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 25.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	10
2	MP Padawan	4
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	4
5	MP Sibu	10
6	MCC	4
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	6
Jumlah		46